

NAMA :

TINGKATAN :

MODUL PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5

TAHUN 2021

MODUL 2

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 1

SATU JAM LIMA BELAS MINIT

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. Modul ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.

Jawab **semua** soalan.

R

1 Encik Hisham merupakan seorang juruaudit di sebuah firma audit di Kuala Lumpur. Pilih bidang tugas yang tepat bagi Encik Hisham.

- A Menyediakan maklumat perakaunan untuk pengguna dalaman
- B Menyediakan pelaporan maklumat perakaunan dalam bentuk Penyata Kewangan
- C Merancang hal-hal percukaian dan menyediakan penyata cukai bagi pihak syarikat
- D Memeriksa dokumen perniagaan dan rekod kewangan untuk mengesahkan rekod tersebut adalah betul dan tepat

R

2 Berikut adalah ciri-ciri sebuah entiti perniagaan.

- Liabiliti terhad
- Keuntungan diagihkan dalam bentuk dividen
- Modal dikumpul daripada anggota melalui penerimaan fi masuk dan jualan saham.

Berdasarkan pernyataan di atas, perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri tersebut?

- A Kedai Runcit Terus Maju
- B Koperasi Pemandu Teksi Kedah
- C Perniagaan Kamal dan Kamaliah
- D Syarikat Pengangkutan Cepat Berhad

R

3 Manakah padanan yang betul?

	Akaun Induk	Catatan Kontra
A	Belian	Pulangan masuk
B	Modal	Rugi bersih
C	Aset Bukan Semasa	Susut nilai
D	Akaun Belum Terima	Peruntukan hutang ragu

- R 4 Berikut merupakan satu urus niaga yang diambil daripada buku Perniagaan Jaya.

Mengeluarkan cek perniagaan bernilai RM3 000 untuk menjelaskan sewa kedai termasuk sewa belum bayar yang bernilai RM1 000.

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti pemilik
A	3 000	1 000	2 000
B	3 000	1 000	(2 000)
C	(3 000)	(1 000)	(2 000)
D	(3 000)	(1 000)	2 000

- R 5 Manakah antara yang berikut **bukan** dokumen urus niaga secara tunai?

- A Baucer pembayaran
- B Makluman kredit
- C Nota kredit
- D Resit rasmi

- R 6 Kedai Perabot Jaguh membeli kerusi dan meja juruwang untuk kegunaan pejabat secara kredit daripada Perniagaan Perabot Jati.

Apakah dokumen yang digunakan dalam urus niaga tersebut?

- A Invois
- B Nota debit
- C Resit rasmi
- D Baucer pembayaran

S

7 Berikut ialah satu dokumen yang digunakan oleh sebuah perniagaan.

No M201

MEMO

Perniagaan Telus
126, Jalan Legenda 3, Legenda Park
08000 Sg. Petani, Kedah
04-4316782

Tarikh : 18 Jun 2021

Kepada : Cik Sabrina (Pengurus Kewangan)

Daripada : Mohd. Daniel (Pemilik)

Perkara : Mengambil tunai RM500 untuk insurans peribadi

Daniel
(Pemilik)

Manakah antara yang berikut **tidak** menerangkan dokumen di atas?

- I Dokumen ini perlu disediakan dalam 2 salinan
 - II Pengurus kewangan perlu merekod urus niaga yang berlaku sebagai ambilan
 - III Pengurus kewangan perlu merekod urus niaga yang berlaku sebagai insurans
 - IV Dokumen ini merupakan dokumen dalaman perniagaan tanpa melibatkan pihak luar
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

- R** 8. Urus niaga manakah yang dicatat dalam Jurnal Penerimaan Tunai?
- A. Jualan alatan pejabat secara kredit
 - B. Ambilan tunai untuk kegunaan peribadi
 - C. Kutipan daripada Akaun Belum Terima
 - D. Membawa masuk perabot ke dalam perniagaan

- R** 9. Maklumat berikut diterima oleh Cik Haneem seorang kerani akaun.

<p>Memo Hasminat Furniture No 4, Jalan Seri Kota 05400 Alor Setar, Kedah.</p>	<p>Tarikh: 4 Feb 2021</p>
<p>Peringatan: Pemilik telah mengeluarkan 1 set meja belajar yang bernilai RM1 500 untuk dihadiahkan kepada anaknya.</p>	
<p><i>Zaimi</i> Pengurus</p>	

Bagaimakah urus niaga tersebut direkod dalam Jurnal Am?

	TARIKH	BUTIR	DEBIT RM	KREDIT RM
A	2021 Feb 4	Ambilan Perabot	1 500	1 500
B	2021 Feb 4	Ambilan Belian	1 500	1 500
C	2021 Feb 4	Perabot Ambilan	1 500	1 500
D	2021 Feb 4	Perabot Belian	1 500	1 500

- S 10 Maklumat berikut diambil daripada sistem perakaunan berkomputer Permainan Jong.

	A	B	C	D
1	Jurnal Belian			
	JB1			
2	Tarikh	Butir	No Dokumen	Jumlah (RM)
3	2021			
4	Mac 6	Qalsco Toys	INV 1211	4 300
5	18	Kedai Mainan Jauzi	INV 1765	2 000
6	31	Akaun Belian		6 300

Apakah formula untuk menghitung jumlah Jurnal Belian dalam perekodan secara berkomputer?

- A =SUM(D4:D5)
 B =SUM(D4:D6)
 C =SUM(A4:A5)
 D =SUM(A4:A6)

- R 11 Akaun manakah yang mempunyai baki kredit ?

- A Angkutan masuk
 B Angkutan keluar
 C Pulangan masuk
 D Pulangan keluar

- T 12 Maklumat berikut dipetik daripada buku perakaunan Perniagaan Mewah pada bulan Mac 2021.

2021	RM
Mac 1 Baki Akaun Belum Bayar	9 400
31 Bayaran kepada pembekal	14 200
Pulangan belian	320
Belian kredit	12 600
Belian tunai	1 320

Berapakah baki akhir Akaun Belum Bayar pada 31 Mac 2021?

- A RM7 480
 B RM8 800
 C RM10 000
 D RM11 320

R

13

Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada Mohan Trading.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2020		
	<u>Debit</u>	<u>Kredit</u>
	RM	RM
Belian	23 200	
Jualan		43 410
Ambilan	600	
Angkutan keluar		1 200

Butiran manakah yang tersalah catat?

- A Belian
- B Jualan
- C Ambilan
- D Angkutan keluar

R

14

Situasi berikut berlaku kepada Perniagaan Bestari bagi tahun berakhir 31 Mac 2021?

Jualan bersih < Kos jualan

Apakah kesan bagi situasi di atas?

- A Rugi kasar
- B Rugi bersih
- C Untung kasar
- D Untung bersih

- S 15 Berikut ialah petikan Imbangan Duga pada 31 Januari 2021 bagi Mizan Enterprise.

Mizan Enterprise
Imbangan Duga pada 31 Januari 2021

	RM	RM
Jualan		40 200
Inventori awal	3 400	
Belian	16 300	
Gaji	1 000	

Maklumat tambahan :

Nilai inventori akhir pada harga kos ialah RM11 200 dan nilai pada harga pasaran ialah RM12 400.

Berapakah untung bersih perniagaan Mizan Enterprise ?

- A RM30 700
- B RM31 700
- C RM31 900
- D RM32 900

- R 16 Cik Suzan membeli sebuah komputer bernilai RM2 800 pada 1 Januari 2018. Nilai komputer yang direkod pada 31 Disember 2020 bernilai RM1 500. Apakah faktor yang menyebabkan nilai komputer menjadi RM1 500?

- A Berlaku kemelesetan ekonomi
- B Kos penyelenggaraan semakin tinggi
- C Prestasi perniagaan kurang memuaskan
- D Berlaku kemerosotan fizikal dan keusangan

- S 17 Antara berikut, yang manakah direkod sebagai hasil dalam Akaun Untung Rugi?

- I Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu
- II Hutang Lapuk Terpulih
- III Komisen Jurujual
- IV Sewa Diterima

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- S 18 Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Sejati Indah pada 31 Mac 2021.

	1 April 2020	31 Mac 2021
	RM	RM
Sewa belum terima	-	2 200
Sewa belum terperoleh	800	-

Maklumat tambahan :

Sewa diterima dengan cek RM6 200.

Berdasarkan maklumat di atas, hitung jumlah sewa yang sepatutnya diterima pada tahun kewangan 31 Mac 2021.

- A RM6 200
 B RM7 000
 C RM8 400
 D RM9 200
- T 19 Berikut ialah maklumat daripada buku Perniagaan Anjung Seri:

Sebuah kenderaan dibeli pada 1 Julai 2018 pada harga kos RM50 000. Kadar susut nilai ialah 10% setahun atas kos. Pada 31 Disember 2020, kenderaan tersebut dijual dengan harga RM35 700. Tempoh perakaunan berakhir pada setiap 31 Disember.

Berapakah untung atau rugi atas pelupusan kenderaan tersebut ?

- A Untung pelupusan kenderaan RM1 800
 B Rugi pelupusan kenderaan RM1 800
 C Untung pelupusan kenderaan RM700
 D Rugi pelupusan kenderaan RM700

- S 20 Petikan akaun berikut diperoleh daripada buku perakaunan seorang peniaga yang tersilap rekod.

Akaun Kadar Bayaran			Akaun Bank		
2021		RM	2021		RM
Jan 5	Bank	135	Jan 5	Kadar bayaran	135

Bagaimanakah kesilapan ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

- A
- | | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|---------------|------------|-------------|
| Kadar bayaran | 135 | |
| Bank | | 135 |
- B
- | | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|---------------|------------|-------------|
| Bank | 135 | |
| Kadar bayaran | | 135 |
- C
- | | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|---------------|------------|-------------|
| Bank | 270 | |
| Kadar bayaran | | 270 |
- D
- | | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|---------------|------------|-------------|
| Kadar bayaran | 270 | |
| Bank | | 270 |

- R 21 Antara berikut rumus manakah yang melibatkan jualan bersih?

- A Margin
 B Tokokan
 C Pulangan atas modal
 D Tempoh kutipan hutang

- T 22 Maklumat berikut diperolehi daripada beberapa perniagaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

	Niza Enterprise	Inaz Enterprise	Aimi Enterprise	Wana Enterprise
Jualan tunai	40 790	50 000	63 000	66 000
Jualan kredit	72 000	77 000	79 000	80 000
Akaun Belum Terima	35 500	36 800	37 000	37 200

Perniagaan manakah yang mempunyai tempoh kutipan hutang yang terbaik?

- A Niza Enterprise
- B Inaz Enterprise
- C Aimi Enterprise
- D Wana Enterprise

- R 23 Kaedah yang manakah digunakan untuk menentukan pendapatan bagi perniagaan yang mengamalkan rekod tak lengkap?

- I Kaedah Analisis
- II Kaedah Perbandingan
- III Kaedah Ansuran Tetap
- IV Kaedah Penilaian Semula

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- S 24 Cik Layla seorang peniaga mempunyai rekod perniagaan yang tidak lengkap. Berikut merupakan analisis berkaitan alatan pejabat perniagaannya.

	RM
Baki pada 1 Januari 2020	5 400
<i>Tambah: X</i>	1 800
	7 200
<i>Tolak: Baki pada 31 Disember 2020</i>	6 350
Belanja susut nilai	850

Apakah X?

- A Jualan alatan pejabat
- B Rugi jualan alatan pejabat
- C Untung jualan alatan pejabat
- D Belian alatan pejabat baharu

- T 25 Restoran Cik Ana tidak menggunakan catatan bergu untuk menyimpan akaunnya. Maklumat berikut diperolehi daripada rekod perniagaannya.

	<u>1 Januari 2020</u>	<u>31 Disember 2020</u>
	RM	RM
Inventori	2 500	3 400
Perabot	5 600	8 500
Bank	12 300	13 600
Akaun Belum Terima	5 600	6 800
Akaun Belum Bayar	7 300	8 950

Berapakah untung atau rugi bersih Restoran Cik Ana pada 31 Disember 2020?

- A Rugi Bersih RM4 650
- B Untung Bersih RM4 650
- C Untung Bersih RM5 550
- D Rugi Bersih RM5 550

- R 26 Encik Amrul ingin menyediakan Penyata Penyesuaian Bank dengan mengemas kini Buku Tunai. Apakah butiran yang direkodkan di sebelah kredit Buku Tunai tersebut?
- A Dividen
 - B Cek tak laku
 - C Pindahan kredit
 - D Deposit belum dikreditkan

- S 27 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Ayra Berhad.

	RM
Baki debit di Penyata Bank	1 110
Deposit belum dikreditkan	1 212
Cek belum dikemukakan	1 340

Berapakah baki akhir di Buku Tunai?

- A Debit RM982
 - B Kredit RM982
 - C Debit RM1 238
 - D Kredit RM1 238
- T 28 Berikut ialah anggaran perbelanjaan Jazlina Trading.

Terdapat tiga orang pekerja pada bulan Januari dengan gaji bulanan sebanyak RM1 200 seorang. Pada bulan Mac seorang pekerja menerima kenaikan gaji sebanyak 20%.

Berapakah gaji yang dibayar pada bulan Mac?

- A RM1 440
- B RM3 600
- C RM3 840
- D RM4 320

R 29 Manakah merupakan tuntutan perkongsian terhadap pekongsi?

- A Gaji Pekongsi
- B Faedah atas Modal
- C Faedah atas Ambilan
- D Faedah atas Pinjaman

S 30 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perkongsian Siti dan Azura pada 31 Disember 2020.

Ikatan perkongsian menetapkan gaji Azura RM10 000 setahun. Pada 1 Jun 2020 perkongsian telah membayar gaji Azura RM7 000 secara tunai.

Apakah catatan yang **betul** dalam Akaun Semasa Azura?

A	Akaun Semasa Azura				RM
			Dis 31 Tunai		3 000
B	Akaun Semasa Azura				RM
			Dis 31 Gaji		3 000
C	Akaun Semasa Azura				RM
			Dis 31 Tunai		7 000
D	Akaun Semasa Azura				RM
			Dis 31 Gaji		7 000

S

31 Berikut adalah maklumat daripada Akaun Semasa Damia pada 30 September 2020.

	RM
Baki pada 1 Oktober 2019	2 560
Kongsi Untung	3 800
Ambilan	4 000
Faedah atas Ambilan	200
Faedah atas Pinjaman (belum bayar)	1 500

Berapakah baki akhir akaun tersebut?

- A RM12 060
- B RM4 060
- C RM3 660
- D RM1 460

T

32 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Lim dan Suresh pada 31 Disember 2020.

	RM
Faedah atas modal	10 000
Faedah atas ambilan	400
Untung bersih	30 000
Untung dan rugi dibahagikan secara sama rata.	

Berapakah bahagian untung bagi setiap pekongsi?

- A RM20 200
- B RM19 800
- C RM15 000
- D RM10 200

- R** 33 Berikut adalah kandungan yang terdapat dalam Perlembagaan Syarikat **kecuali**
- A Pengurusan dan pentadbiran syarikat
 - B Cara dan tarikh syarikat boleh dibubarkan
 - C Kuasa dan tanggungjawab Lembaga Pengarah
 - D Cara pembayaran dividen kepada pemegang syer

- S** 34 Berikut ialah sebahagian catatan terbitan syer oleh Syarikat Alam Maya.

Akaun Permohonan Syer Biasa

		RM			RM
Mac 1	P	500 000		Mac 31	Q 500 000

Apakah butiran **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Modal Syer Biasa	Bank
B	Bank	Modal Syer Biasa
C	Permohonan Syer Biasa	Bank
D	Bank	Permohonan Syer Biasa

- R** 35 Antara berikut, yang manakah merupakan sumber kewangan utama Persatuan Sukan Desa Murni?
- A Yuran Pertandingan
 - B Yuran Pendaftaran
 - C Yuran Masuk
 - D Yuran Ahli

- S 36 Persatuan Kebajikan Taman Kristal mempunyai 100 orang ahli dengan yuran tahunan RM50 setahun. Maklumat berikut diperoleh pada 1 Januari 2020.

	1 Januari 2020 RM
Yuran belum terima	500
Yuran belum Terperoleh	50

Sepanjang tahun 2020, kutipan yuran sebanyak RM5 450 telah berjaya dikutip.

Berapakah pendapatan yuran Persatuan Kebajikan Taman Kristal bagi tahun berakhir 31 Disember 2020?

- A RM5 900
- B RM5 450
- C RM5 000
- D RM4 900

- T 37 Maklumat berikut berkaitan dengan aset dan liabiliti Kelab Futsal Taman Sejati pada 30 Jun 2021.

	RM
Alatan sukan	8 000
Yuran belum terima	500
Yuran belum terperoleh	50
Tunai di bank	6 000
Sewa gelanggang belum terperoleh	1 200
Sewa premis belum bayar	500

Berapakah dana terkumpul Kelab Futsal Taman Sejati pada 1 Julai 2021?

- A RM11 850
- B RM12 750
- C RM14 250
- D RM15 150

T 38 Berikut adalah maklumat berkaitan pengeluaran Jus Jelita.

Margin caruman seunit RM5

Pengeluaran 15 000 botol menghasilkan keuntungan RM16 000.

Berapakah Kos Tetap?

- A RM59 000
- B RM65 000
- C RM75 000
- D RM80 000

R 39 Antara berikut manakah kos overhead bagi pengeluaran perabot?

- A Gaji operator pengeluaran
- B Belian papan lapis
- C Insurans kilang
- D Royalti

R 40 Antara berikut butiran manakah yang diambil kira dalam Akaun Perdagangan firma yang menjalankan aktiviti pengeluaran?

- I Susut nilai mesin
 - II Kos Pengeluaran
 - III Jualan barang siap
 - IV Belian bahan mentah
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

TAMAT